

# ANALISIS BAHASA BERADAT DARI SUDUT MESEJ TERSIRAT, BENTUK SERTA KAEDAH PENYERAPAN DALAM ISTIADAT MASYARAKAT ADAT PERPATIH DAN TEMENGGONG

## ANALYSIS OF CUSTOMIZED LANGUAGE IN THE FORM OF HIDDEN MESSAGE, STRUCTURE AND METHOD FOR PERPATIH AND TEMENGGONG COMMUNITY

Adenan Ayob  
Nor Sahara Mesman

adenansamsung@gmail.com  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Accepted date: 11 December 2017

Published date: 15 April 2018

**To cite this document:** Ayob, A., & Mesman, N. S. (2018). Analisis Bahasa Beradat Dari Sudut Mesej Tersirat, Bentuk Serta Kaedah Penyerapan Dalam Istiadat Masyarakat Adat Perpatih Dan Temenggong. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(9), 90-113.

### **Abstrak**

*Kajian ini bertujuan menganalisis mesej tersirat, bentuk bahasa dan kaedah penyerapan bahasa beradat bagi adat Perpatih dan Temenggong. Seramai empat orang pakar adat, masing-masing dua orang daripada adat Perpatih dan Temenggong telah dipilih sebagai responden. Kaedah kajian yang digunakan adalah berbentuk tinjauan dengan berasaskan rakaman temu bual. Kaedah kepustakaan juga digunakan untuk penganalisan dokumen seperti buku, jurnal dan sebagainya. Dapatan kajian ini yang berasaskan rakaman temu bual dianalisis dengan berpandukan kod verbatim atau tematik. Analisis teks berdasarkan bahan bercetak pula dilakukan untuk mencerap bukti menerusi kajian dokumen atau bahan bertulis. Hasil kajian menunjukkan bahawa mesej tersirat dan bentuk bahasa beradat ditetapkan mengikut kod tema yang tertentu. Dapatan kajian ini juga memaparkan bahawa wujud mesej tersirat dalam adat Perpatih dan Temenggong yang menonjolkan aspek pragmatik kiasan, perbilangan, bidalan, konteks dan melebihi konsep makna serta jarak sosial. Bentuk bahasa beradat pula dikaitkan dengan dialek, idiolek dan dialek kawasan. Bagi dapatan kajian yang menyentuh tentang kaedah penyerapan, fokusnya terarah kepada komunikasi eufemisme, ucapan, panggilan, perlakuan dan pergaulan. Daripada kajian ini, saranan supaya penyelidikan lanjutan dipertimbang untuk diperluas kepada cakupan kajian perbandingan bahasa beradat yang lebih mengkhusus kepada pengamal adat Perpatih dan Temenggong di Malaysia dan Indonesia. Kelangsungan kajian seperti itu pasti menarik kerana bahasa dan budaya dapat diintegrasikan dalam bahasa beradat.*

**Kata kunci:** *Pepatih, Temenggong, Bahasa Beradat, Istiadat, Dialek*

### **Abstract**

*The purpose of this study was to analyze the implied message, the form of language and the method of absorption of the language for the custom of Perpatih and Temenggong. Four custom experts, each of two from Perpatih and Temenggong were chosen as respondents. The research method used is a survey based by interview recording. Library methods are also used for the analysis of documents such as books and journals. The findings of this study based on interview recording were analyzed based on verbatim or thematic codes. Text analysis based on printed materials is also done to detect evidence through a study of documents or written materials. The results of the study show that implied messages and formative language form are fixed according to a particular theme code. The findings also show that there is an implied message in Perpatih and Temenggong custom which emphasizes pragmatic aspects of allusion, exclusion, binding, context and beyond concept of meaning and social distance. The form of compact language is also associated with dialect, idiolect and dialect area. For research findings, the focus is on euphemism communication, speech, treatment and interaction. From this study, the recommendation for further research is considered to be expanded to the comparative study of language which is more specialized to custom practitioners, that is Perpatih and Temenggong in Malaysia and Indonesia. The survival of such studies would be interesting as the language and culture can be integrated into the language of compactness.*

**Keywords:** *Peapatih, Temenggong, Compact Language, Ceremonial, Dialect*

---

### **Latar Belakang Kajian**

Menurut pandangan beberapa orang sarjana, bahasa tidak semata-mata bersifat lingual, tetapi berfungsi sebagai alat komunikasi. Komunikasi adalah antara si penyampai dengan si penerima (Abdul Rahim Bakar & Awang Sariyan, 2005). Realitinya, berdasarkan pendapat Abdul Rahim Bakar dan Awang Sariyan, bahasa mempunyai ciri-ciri budaya yang dinamik menerusi peranan pengilham dan pendorong komunikasi ke tahap yang beradab, sekali gus memartabatkan kebudayaan berasaskan sesuatu istiadat yang diamalkan oleh masyarakat tertentu.

Abdul Rahman Ahmad Hanafiah (2002) berpendapat bahawa bahasa ialah instrumen utama milik masyarakat dalam mengintegrasikan komunikasi beradab, sama ada secara dalaman ataupun luaran. Hakikatnya, dalam senario sekarang, individu dalam sesebuah masyarakat perlu berperanan aktif dalam silang budaya. Masyarakat yang mengamalkan bahasa secara bertatasusila mampu menyesuaikan diri dengan sesuatu istiadat, tingkah laku, selain mudah melibatkan diri secara langsung dalam interaksi sosiobahasa.

Daripada pandangan Nordin Selat (2007), diungkap bahawa konsep bahasa beradab harus berakarumbikan pengertiannya secara eksplisit. Dalam hal ini yang bersabit dengan sentuhan budaya, bahasa beradab bukan alat untuk berkomunikasi ke arah penjanaian ilmu sahaja. Sebaliknya, bahasa beradab mempunyai pengisian untuk mendokong aspirasi pemikiran, konsep alam, nilai masyarakat, penggerak ilmu tradisi, agama, budaya dan pemaparan jati diri.

Oleh itu, untuk mencapai aspirasi-aspirasi tersebut, pengisian komunikasi perlu berfokus kepada konsep bahasa beradab (Azzal Abu Talib, 1993). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005),

*beradat* dimaksudkan sebagai mempunyai adat, tahu sopan santun; melakukan sesuatu mengikut adat. Dalam konteks yang lebih khusus, *adat* pula bermaksud peraturan yang sudah diamalkan secara turun-temurun dalam sesebuah masyarakat sehingga menjadi hukum dan peraturan yang wajar dipatuhi.

Perkembangan revolusi teknologi dan peningkatan taraf hidup bukan dianggap penghalang terhadap usaha melihat masyarakat Melayu mengutamakan bahasa beradat, selain mementingkan daya berfikir yang tinggi daripada unsur-unsur yang tersirat. Kedua-dua elemen tersebut adalah pemangkin dalam pengamalan dan pewarisan bahasa beradat untuk amalan generasi mendatang. Potensi yang ada dalam akal budi masyarakat Melayu hanya dapat dikembangkan jika mereka kembali kepada asas tradisi bahasa dan budaya yang sarat dengan nilai-nilai murni menerusi pengamalan bahasa beradat.

Dalam mencerap bahasa beradat sebagai amat penting untuk kelancaran jalinan proses komunikasi beradab, nilai budaya ekspresif perlu diterapkan dalam masyarakat Melayu kini untuk mengelakkan generasi muda hanyut dalam pengaruh budaya asing, terutamanya dari Barat. Bahasa beradat wajar berkembang pesat dan diasimilasikan dalam kepelbagaian masyarakat di negara ini. Dari segi peneguhan martabat bahasa Melayu pula, cabaran luar wajar dihadapi dengan memanfaatkan pendekatan positif yang bersifat global. Pendekatan tersebut mampu berfungsi untuk memaparkan adat resam, nilai dan perkongsian budaya dengan masyarakat antarabangsa menerusi pemupukan bahasa beradat.

Adat Perpatih dan Temenggong telah diwujudkan oleh masyarakat Minangkabau, menerusi pelopornya Datuk Perpatih Nan Sebatang di Padang, Pagar Ruyung, Bukit Tinggi, Sumatra, Indonesia (Nordin Selat, 2007). Adat Perpatih dan Temenggong mula diamalkan pada kurun ke-13. Antara lain, kewujudan Adat Perpatih dan Temenggong bertujuan membentuk kehidupan masyarakat yang bersatu padu, berintegrasi serta maju dengan berasaskan pengaplikasian bahasa beradat. Pengaplikasiannya seperti dalam istiadat berkedim, bersalin, berkhatan, peminangan, pertunangan, perkahwinan, merisik, melenggang perut, menanam uri, bercukur rambut bayi, berendoi, dalam pantang dan kematian.

### **Pernyataan Masalah**

Khazanah warisan bahasa beradat dalam masyarakat Adat Perpatih dan Temenggong wajar diselongkar kembali berasaskan resam pusaka lalu dan kehidupan tradisi Melayu silam. Seruan kembali kepada pengamalan bahasa beradat bukan meminta sesebuah masyarakat menjadi mundur. Kewajarannya, semua pihak tidak menganggap bahasa beradat adalah lapuk dan usang sehingga mesti ditinggalkan. Menurut Adenan Ayob (2009), mesej tersirat, bentuk bahasa beradat dan kaedah-kaedah penyerapan yang berkisar kepada bagasi budaya dan kebudayaan warisan nenek moyang perlu dicerap dan dipertahankan kredibilitinya dalam komunikasi lisan dan penulisan bagi kelangsungan pengamalan istiadat-istiadat dalam adat Perpatih dan Temenggong khususnya. Daripada analisis pandangan sarjana bahasa, kekurangan kajian yang menyentuh tentang mesej, bentuk dan kaedah penyerapan meningkatkan kekeliruan masyarakat mengenai kedudukan bahasa beradat dalam pengujaran dan pemikiran sosiobahasa (Abdul Rahman Ahmad Hanafiah, 2002). Oleh itu, perkara ini wajar diselidik dan siselarikan dengan teori khusus yang bertunjangkan akal budi dan pekerti masyarakat dalam sebarang amalan yang bersangkutan dengan aspek tingkah laku berbahasa.

Daripada analisis pendapat Nordin Selat (2007) pula, akibat kesukaran dari segi penghayatan mesej tersirat, pegecaman bentuk yang bervariasi; pembakuan, dialek, idiolek dan sebagainya, kefahaman bahasa beradat terus menjejaskan perkembangan dan kelestarian adat Perpatih dan Temenggong. Daripada pendapat Azzal Abu Talib (1993) pula, masih kurang kaedah-kaedah yang sesuai untuk menyerapkan amalan bahasa beradat dalam istiadat-istiadat masyarakat bagi sesuatu adat, selaras dengan usaha memperkaya khazanah ilmu budaya. Menurut Azzal Abu Talib juga, tidak terdapat rujukan yang sistematik dan saintifik yang menjurus kepada kaedah pengamalan adat Perpatih dan Temenggong dalam istiadat-istiadat rasmi. Justeru, usaha ini wajar dilaksanakan demi memartabatkan bahasa beradat oleh generasi sekarang.

Darwis Harahap dan Abdul Jalil (2000) mengungkap bahawa asas-asas pengamalan bahasa beradat dikatakan sebagai warisan yang perlu dikekalkan mesej, bentuk dan kaedah penyerapan dalam khazanah persuratan sesuatu adat. Pengamalannya menunjukkan cara berfikir masyarakat yang berpegang teguh pada integriti istiadat dalam adat (Jelani Haron, 2006). Hal ini dapat ditinjau menerusi peribahasa, perumpamaan, ungkapan, perbilang dan sebagainya. Bahasa beradat turut disebut sebagai medium bahasa masyarakat untuk membicarakan nilai agama, keyakinan, pendidikan, ilmu pengetahuan, nilai hukum, kekuasaan, pandangan masa hadapan dan sikap manusia (Jelani Haron). Bahasa beradat dalam istiadat-istiadat masyarakat adat Perpatih dan Temenggong wajar terus diperkaya dan dilestarikan dengan kekuatan khazanah penggabungan ilmu menerusi gagasan yang meliputi mesej tersirat, bentuk dan kaedah penyerapan. Justeru, pengenaltian mesej tersirat, bentuk bahasa dan kaedah penyerapan dikaji dalam penyelidikan ini.

### **Objektif Kajian**

Penyelidikan ini mencerap beberapa objektif khusus. Objektif-objektif khusus kajian ini pula adalah untuk mengenal pasti:

- i. Mesej-mesej tersirat menerusi bahasa beradat dalam istiadat-istiadat adat Perpatih dan Temenggong;
- ii. Bentuk-bentuk bahasa beradat dalam istiadat-istiadat adat Perpatih dan Temenggong; dan
- iii. Kaedah-kaedah penyerapan bahasa beradat dalam istiadat-istiadat adat Perpatih dan Temenggong.

### **Soalan Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk menjawab beberapa soalan. Soalan-soalan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah mesej-mesej tersirat daripada bahasa beradat dalam istiadat-istiadat adat Perpatih dan Temenggong?
- ii. Apakah bentuk-bentuk bahasa beradat dalam istiadat-istiadat adat Perpatih dan Temenggong?
- iii. Apakah kaedah-kaedah yang sesuai diterapkan dalam istiadat-istiadat adat Perpatih dan Temenggong?

## **Rasional Kajian**

Kajian yang menyentuh bidang sosiolinguistik ini dilaksanakan untuk memberikan manfaat kepada semua generasi secara keseluruhan. Pendedahan dan huraian terperinci dilakukan supaya pembaca memahaminya dengan lebih jelas.

Selain itu, kajian ini memperlihatkan mesej-mesej tersirat dalam komunikasi harian bagi kedua-dua adat yang dikaji. Komunikasi menjadi keperluan dalam kehidupan manusia. Sebarang perlakuan dan tingkah laku manusia, sama ada emosi gembira, sedih ataupun marah bermula dengan komunikasi. Seterusnya, kajian ini akan memberikan fokus kepada bentuk-bentuk bahasa beradat dalam adat Perpatih dan adat Temenggung ini. Bentuk-bentuk bahasa ini bertujuan untuk mengenal pasti asal usul mahupun penentuan terhadap bahasa yang dituturkan. Bentuk bahasa ini bukan hanya secara amnya iaitu bahasa lisan, tulisan malahan menjangkau bentuk-bentuk dialek dan sebagainya.

## **Definisi Istilah**

### ***i. Bahasa Beradat***

Bahasa Beradat merupakan bahasa yang digunakan oleh sesebuah masyarakat yang melingkari kepercayaan serta pegangan adat masing-masing. Sistem bermasyarakat adat dikelompokkan kepada empat kategori iaitu adat yang teradat, adat yang diadatkan, adat istiadat dan adat resam (Nor Halim Hj. Ibrahim, 1975). Adat yang teradat dan adat yang diadatkan difahami dengan jelas bahawa makna atau peraturan yang tidak dikanunkan dan rujukan dibuat kepada pengalaman serta simpanan ingatan pakar-pakar adat. Adat istiadat pula merangkumi upacara yang mengandungi langkah atau kaedah serta prosedur untuk dijalankan. Perkara ini adalah sah dan diterima masyarakat umum untuk perkara yang dipanggil “adat yang diadatkan”. Akhirnya kebiasaan yang berlaku dalam masyarakat dipanggil adat resam juga dikenali sebagai kebiasaan sosial. Kefahaman tentang mesej tersirat, bentuk dan kaedah penyerapan, memang penting untuk dikaitkan dengan adat “adat yang diadatkan” dalam sesuatu suku dalam sesebuah masyarakat.

### ***ii. Istiadat***

Istilah istiadat termasuk dalam aspek kehidupan yang bersifat upacara dengan wujudnya kaedah yang telah dimantapkan, lengkap dengan istiadat yang khusus bagi menampilkan sifat kesucian, kebenaran dan kesahihan (Norhalim Hj. Ibrahim, 1975). Perkara utama dalam istiadat mementingkan tatacara tersusun dan berorganisasi. Fungsi dalam sesuatu istiadat boleh dipinda atau diperbesar mengikut situasi. Oleh hal yang demikian, fungsi melibatkan kesahihan dan kebenaran dalam aktiviti masyarakat yang melingkari budaya dan kebudayaan.

### ***iii. Mesej Tersirat Tema Pragmatik***

Mesej-mesej tersirat dalam bahasa beradat menjurus kepada aspek pragmatik. Makna pragmatik membabitkan makna linguistik dan makna sosial (Taringan, 1985). Ogden dan Richard (1956) pula memberikan pengertian makna berasaskan aspek pragmatik melibatkan unsur intrinsik dan penjelasan makna dalam konteks.

Teori Relevans yang dicadangkan oleh Sperber dan Wilson (1986) menerangkan pembentukan dan pemilihan konteks serta prinsip. Teori yang diperkenalkan ini menekankan aspek mesej yang

menyentuh tentang perbualan lisan, kesan poetik, dimensi penggunaan bahasa deskriptif dan intrpretif, ujaran literal, metafora, ironi dan pertuturan. Relevan yang dimaksudkan adalah kesan daripada penyampaian yang dilakukan dan dapat memproses maklumat. Dalam erti kata yang lain, mesej tersirat ditafsirkan dalam gagasan konteks, kesan konteks dan pemprosesan maklumat. Subgagasan terdiri daripada pengayaan, pemilihan rujukan dan penyahtaksaan maklumat untuk tujuan interpretasi makna.

Leech (1993) berpendapat bahawa pragmatik ialah ilmu yang mengkaji bahasa dan menemukan makna-makna ujaran yang sesuai dengan situasi yang melibatkan kiasan, perbilang dan bidalan. Selain itu, pragmatik menekankan hubungan antara bahasa dan konteks yang mendasari penjelasan bahasa. Yule (1996) menyatakan empat definisi pragmatik, iaitu bidang kajian makna, kajian makna berdasarkan konteks, kajian melebihi makna dan kajian bentuk ekspresi mengikut jarak sosial yang membatasi ujaran tertentu. Dalam kajian makna teks pula, ? (?) menyarankan empat perkara iaitu pengertian, nilai rasa, nada dan maksud dijelaskan menerusi kriteria emotif, konotatif, kognitif, referensi, piktorial, kelewahan dan ketaksan makna.

Dalam kajian yang melibatkan tema yang menyentuh tentang aspek pragmatik, huraian didasarkan kepada sesuatu tema kajian. Misalnya, tema kajian makna mengikut konteks, situasi, hubungan bahasa dengan konteks dan bentuk ekspresi mengikut jarak sosial. Tema yang diungkap mesti sesuai dengan penampilan bahasa beradat yang dilaksanakan dalam sesuatu istiadat.

#### *iv. Bentuk Bahasa Beradat*

Dalam bidang sociolinguistik, bahasa beradat mementingkan variasi bahasa. Menurut ? (?), variasi bahasa mesti berkait dengan:

- *Dialek*
- *Idiolek*
- *Dialek Kawasan*
- *Dialek Sosial*
  
- *Dialek*

Dialek terbentuk daripada sesuatu bahasa tertentu dan dituturkan oleh sekumpulan masyarakat bahasa tersebut. Faktor penentuan bagi dialek adalah faktor geografi dan faktor sosial. Terdapat beberapa perbezaan dialek melibatkan sebutan, gaya lagu bahasa, tatabahasa, kosa kata dan kata ganti diri. Perbezaan bagi sebutan misalannya perkataan air dalam pelbagai dialek ada yang menyebut sebagai ayaq atau ayo. Bagi gaya lagu, bahasa beradat sering wujud dalam dialek secara lebih lembut menerusi penyebutan. Dari segi tatabahasa pula penggunaan imbuhan per-... dan ...-kan dapat dilihat misalnya perbesar dalam dialek Kedah dan besarkan dalam dialek Johor. Kosa kata juga menunjukkan beberapa perbezaan, antaranya perkataan bekwoh dalam dialek Kelantan dan Terengganu yang membawa makna kenduri. Perbezaan dari segi kata ganti diri pula merujuk kepada panggilan untuk individu, kumpulan dan sebagainya. Misalnya ambo merujuk kepada dialek Kelantan yang bermaksud saya. Dalam dialek Pahang, perkataan koi menjadi rujukan yang bermaksud saya.

Dalam konteks yang sama, hubungan antara budaya dengan masyarakat dapat ditinjau menerusi unsur penalaran. Konsep ini terbina dalam bentuk bahasa. Dalam organisasi masyarakat pula

tergambar dalam bahasa menerusi peraturan-peraturan sosial tertentu, di samping peraturan nahu yang diselaraskan dengan sistem masyarakat berkenaan. Asmah (1983) membicarakan dialek sebagai kelainan bahasa yang piawai yang mempunyai ciri-ciri fonologi, morfologi dan sintaksis yang dikaitkan dengan budaya masyarakat. Kelainan bahasa berfungsi sebagai alat komunikasi yang utuh dan beradab.

Dalam perhubungan antara individu dengan individu yang lain menerusi dialek adalah untuk mewujudkan pelbagai perkataan yang merujuk kepada budaya. Faktor-faktor yang terlibat dalam dialek termasuk pangkat, taraf dan kehalusan berbahasa. Faktor-faktor tersebut menyebabkan wujudnya perlambangan serta rujukan dalam kata ganti bagi diri pertama, kedua dan ketiga.

- ***Idiolek***

Idiolek secara umumnya merupakan kelainan penggunaan bahasa dalam peringkat individu. Perkara ini dapat dilihat dari segi sebutan dan nada. Hal ini terjadi kerana perbezaan sebutan, seperti tabiat penyebutan. Lazimnya, idiolek wujud daripada pengaruh rakan atau keluarga.

- ***Dialek Kawasan***

Bentuk bahasa bagi dialek kawasan merangkumi pengguna dalam sesuatu kawasan. Bahasa Melayu contohnya membabitkan masyarakat Sumatera menerusi bahasa Batak, Aceh, Minangkabau, Nias, Lampung dan Orang laut. Oleh itu, bahasa Melayu dalam pelaksanaan istiadat sering mengamalkan dialek kawasan. Di Malaysia, dialek kawasan merangkumi dialek Utara, Perak, Selatan, Kelantan, Terengganu, Pahang, Negeri Sembilan, Sarawak dan Sabah.

- ***Dialek Sosial***

Dialek sosial dikaitkan dengan penggunaan bahasa mengikut kumpulan sosial dan situasi penggunaannya. Penggunaan mengikut situasi misalnya bahasa formal dan tidak formal.

Bahasa formal merujuk kepada bahasa baku atau bahasa istana, manakala bahasa tidak formal dirujuk kepada bahasa halus, bahasa kasar, bahasa dialek dan sebagainya. Perbezaan antara bahasa formal dan tidak formal dapat ditinjau dari sudut perbandingan antara ragam bahasa bebas dengan ragam bahasa terkawal serta ragam bahasa mesra dengan ragam bahasa formal.

Ragam bahasa bebas merujuk kepada penerangan ayat yang tidak gramatis dan tidak mementingkan aspek sebutan, intonasi, pilihan perkataan, struktur ayat dan tatabahasa. Bagi bahasa terkawal pula, boleh dirujuk kepada ayat yang gramatis yang mementingkan aspek sebutan meliputi intonasi, pilihan perkataan, struktur ayat serta tatabahasa. Begitu juga dengan ragam bahasa mesra dengan bahasa formal merujuk kepada penggunaan ragam bahasa bebas, iaitu tidak mementingkan sebutan, intonasi, pilihan kata, nahu dan sebagainya. Perkara ini termasuk penggunaan gelaran yang tidak lengkap.

Bagi bahasa halus pula, kewujudannya atas pertimbangan orang yang dilawan bertutur. Aspek-aspek yang mempengaruhi termasuk kedudukan, pangkat, umur dan keakraban orang dilawan bertutur. Penggunaan bahasa halus pula, seperti kesopanan dalam surat-menyurat. Kata ganti nama diri yang dirujuk misalnya untuk ayahanda dan bonda. Begitu juga dengan bahasa kiasan dengan peribahasa secara halus dan tersirat. Misalnya berbadan dua untuk rujukan kepada orang yang mengandung.

## **Tinjauan Literatur**

### ***i. Konsep Bahasa Beradat***

Daripada pendapat Nordin Selat (2007), dapat dianalisis bahawa konsep bahasa beradat merupakan sesuatu yang mengutamakan etika, kesantunan berbahasa dan nilai yang dalam konteks kebudayaan manusia. Inti patinya terkandung kebudayaan yang bercirikan pola-pola cara hidup bermasyarakat dalam hal ehwal bahasa dan komunikasi.

Nordin Selat (2007) menambah bahawa bahasa beradat yang berteraskan kebudayaan mempunyai aspek moral, kebiasaan dan kepercayaan yang menentukan nilai pendidikan. Bahasa beradat yang dinamik bersumberkan integrasi budaya menerusi pola-pola tingkah laku manusia yang mengutamakan pergaulan dan komunikasi bercapah.

Jika diteliti konteks sosiobudaya, terangkum kebudayaan yang bercirikan realiti bahasa beradat untuk kelangsungan komunikasi menerusi struktur bahasa yang sistematik. Sosiobudaya ini berpaksikan perlukan komunikasi yang beretika, selain kesejahteraan masyarakat menerusi pengamalan bahasa beradat yang menyanjung istiadat bagi adat tertentu.

### ***ii. Sejarah Bahasa Beradat***

Sejak zaman kolonial, Undang-Undang Adat Melayu dan Undang-Undang Adat Minangkabau telah ditubuhkan. Antara tujuan penubuhan kedua-dua undang-undang adat berkenaan adalah untuk dilihat pelaksanaannya dalam kegiatan-kegiatan istiadat menerusi perantaraan bahasa beradat (Hooker, 1972).

Realitinya, Undang-Undang Adat Melayu dan Undang-Undang Adat Minangkabau dikatakan berasal dari Tanah Melayu (Hooker, 1972). Dalam Undang-Undang Adat Minangkabau termaktub adat Perpatih dan pengamalannya. Perkara sedemikian juga berlaku dalam adat Temenggong.

Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, Undang-undang adat dijadikan panduan serta kawalan dalam pelaksanaan proses pemerintahan negara (Abdul Rahman Hj. Mohammad, 1964). Kawalan dan pelaksanaan proses pemerintahan tersebut dilaksanakan oleh raja-raja dan para pembesar. Undang-undang adat merupakan senarai peraturan yang disusun menerusi adat istiadat, nilai dan norma berbahasa yang boleh dijadikan amalan dan panduan hidup (Zainur Zakaria, 1995). Istilah undang-undang adat menurut Zainur Zakaria adalah pada halaman berikut.

“Adat, as used in the region, can mean custom, courtesy, proper behaviour or customary law. Reference to adat in this section is taken to mean customary law or customs which have legal consequences”.

Hooker (1972) pula mengaitkan undang-undang adat dengan aspek moral dan keadilan. Beliau mengungkap bahawa:

“Adat law as a canon of morality and justice respect for tradition and kindship structure and judicially stated rules”.



Pembahagian dengan mudah telah dilaksanakan untuk mengetahui dan memahami Undang-Undang Adat Melayu dan Undang-Undang Adat Minangkabau. Kemudiannya, adat dibahagikan kepada dua, iaitu adat Perpatih dan Temenggong. Hakikatnya, adat Perpatih dan Temenggong sering dikaitkan dengan banyak persamaan.

Beberapa konsep adat telah diketengahkan untuk difahami oleh masyarakat. Antaranya, adat sebagai norma kebiasaan berbahasa yang betul dan bersopan-santun (Awang Sariyan, 2007). Norma kebiasaan menunjukkan penghormatan oleh golongan muda untuk golongan tua. Bahasa beradat mempunyai makna khusus seperti belanja hangus yang diamalkan di utara Melaka. Bahasa beradat belanja mas kahwin di Negeri Sembilan pula merujuk kepada belanja yang diberikan oleh pihak lelaki kepada pihak perempuan dalam istiadat perkahwinan. Secara umumnya, hubungan adat dengan perlakuan dinamakan sebagai adat dan istiadat.

Daripada pendapat Hooker (1972), kedudukan adat sesetengah suku dalam masyarakat tertentu sangat rapat dengan bahasa beradat. Hal ini demikian kerana dalam bahasa beradat telah terjalin organisasi perlakuan, idea dan sentimen masyarakat. Tegasnya, pandangan ini menunjukkan bahawa bahasa beradat merupakan alat perhubungan antara masyarakat dengan nilai sosiobudaya yang perlu diabadi, dimantap dan dilestarikan. Tujuannya untuk kelangsungan pembangunan dan perkembangan tamadun bahasa beradat dalam kebudayaan secara keseluruhannya (Nordin Selat, 2007).

Darwis Harahap dan Abdul Jalil Hj. Anuar (2000) mengungkap bahawa asimilasi kesantunan menerusi asas-asas bahasa beradat terkandung warisan yang perlu dikekalkan dalam bentuk khazanah persuratan bangsa. Pengamalannya menunjukkan cara berfikir masyarakat yang kuat berpegang pada adat. Hal ini dapat dilihat menerusi penggunaan peribahasa, perumpamaan, ungkapan dan sebagainya. Bahasa beradat turut disebut sebagai medium bahasa masyarakat yang membicarakan nilai bahasa, budaya dan kebudayaan yang utuh.

Abdul Rahim Bakar dan Awang Sariyan (2005) membicarakan bahawa usaha memartabatkan bahasa dan kebudayaan Melayu berkait rapat dengan konteks peneguhan tamadun bangsa. Beliau juga menegaskan bahawa gerakan memasyarakatkan konsep dan amalan budaya tinggi perlu disejajarkan menerusi bahasa beradat yang bersendikan ilmu, adab, kesopanan, budi bahasa dan penampilan positif. Langkah perlu ditingkatkan supaya bahasa beradat menjadi penggerak kedaulatan bahasa Melayu. Bahasa beradat juga wajar diperkukuh sebagai bahasa yang berasaskan budaya tinggi dalam adat dan istiadat menerusi penerbitan bahan ilmiah serta rujukan umum (Awang Sariyan, 2007). Agenda berkenaan perlu difokuskan kepada pengayaan khazanah ilmu dan persuratan Melayu. Justeru, perhatian yang teliti wajar diberikan kelangsungan oleh semua pihak ke arah usaha pemuliharaan dan peningkatan bahasa beradat dalam warisan budaya bangsa.

Awang Sariyan (2007) juga berpendapat bahawa bahasa beradat yang berdasarkan ungkapan budi bahasa yang diturunkan oleh nenek moyang dari zaman ke zaman masih belum dikenal pasti secara tepat sebagai peraturan komunikasi. Pengenalpastian dalam peraturan komunikasi wajar digarab oleh masyarakat, termasuk pengamal atau pemain adat dalam sesuatu suku.

Dalam memastikan keutuhan dan kemantapan sesuatu tamadun bangsa, bahasa beradat bertindak sebagai wahana perhubungan antara sesama anggota masyarakat, khususnya yang berpaksikan

ketegaran budaya (Jelani Haron, 2006). Pemakaian bahasa beradat yang sistematik mampu memaparkan kepelbagaian konsep dan idea untuk dikembangkan kepada masyarakat menerusi sistem pendidikan, selain interaksi dalam berbagai-bagai bentuk wacana. Matlamatnya untuk memastikan unsur kebudayaan dan kehidupan dapat diwariskan daripada satu generasi kepada satu generasi.

Awang Sariyan (2007) turut memberikan pandangan bahawa asas khazanah bahasa yang bernilai tinggi perlu merangkumi jalinan bahasa beradat yang mengutamakan kesantunan dan adab. Tujuannya untuk menentukan norma sosiobudaya sesebuah masyarakat yang berhimpun dalam suku-suku adat yang tertentu. Justeru, norma sosiobudaya mesti bersifat global untuk menghimpunkan kesemua bahasa beradat yang mendominasi adat demi kesejahteraan masyarakat yang melingkunginya.

### **Reka Bentuk dan Kaedah Kajian**

Kaedah tinjauan dipilih dan dilaksanakan oleh pengkaji menerusi rakaman temu bual. Pakar-pakar rujuk adat Perpatih dan Temenggong terlibat dalam rakaman temu bual ini. Kaedah yang berasaskan reka bentuk kualitatif ini berpaksikan kajian lapangan oleh pengkaji untuk disesuaikan dengan teori Relevans. Kaedah kajian kepustakaan turut dilakukan oleh pengkaji menerusi kerja-kerja penganalisan dokumen seperti jurnal, buku, majalah, monograf dan sebagainya. Kajian kepustakaan dilakukan untuk mendokong langkah yang diatur oleh penyelidik untuk memantapkan data.

### ***Sampel Kajian***

Sampel penyelidikan ini terdiri daripada 10 orang pakar adat. Lima orang terdiri daripada pakar adat Perpatih. Lima orang yang lain terdiri daripada pakar adat Temenggong. Selain kepakaran, mereka yang dipilih memiliki kredibiliti dan pengalaman dalam bahasa beradat, termasuk hal ehwal adat dan istiadat. Tujuan pemilihan responden-responden tersebut adalah untuk memastikan pemerolehan data kajian mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Kesemua sampel berada di dalam kawasan kajian yang telah dikenal pasti oleh penyelidik. Para sampel juga terdiri daripada pemastautin tetap di beberapa lokasi yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Lokasi yang terlibat ialah daerah-daerah utama di Negeri Sembilan dan Johor.

### ***Instrumen Kajian***

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah perakam temu bual. Rakaman-rakaman temu bual dengan para responden telah ditranskripsikan kepada bentuk kod yang berdokumen menerusi sesuatu tema verbatim; mesej tersirat dan bentuk bahasa beradat. Tema-tema tertentu telah ditetapkan dan disesuaikan dengan kajian Chao Yuen Ren (1994). Daripada instrumen yang digunakan, semua maklumat telah disisihkan mengikut kod-kod dalam sesuatu tema verbatim.

### ***Prosedur Pengumpulan Data***

Dua fasa telah dilaksanakan untuk pengumpulan data. Fasa pertama melibatkan kajian lapangan menerusi rakaman temu bual dengan lima orang pakar adat Perpatih dan lima orang pakar adat Temenggong. Data-data telah dikumpulkan menerusi soalan kajian (i) dan (ii). Daripada temu bual dengan responden-responden, kutipan data-data primer yang lebih terperinci dan teliti dapat diselaraskan dengan data-data kepustakaan untuk menjamin kesahan yang lebih tinggi (Bailey,

1994). Data-data daripada kajian kepustakaan turut menyokong data-data yang telah diperoleh daripada para pakar.


Dalam fasa kedua pula, data-data telah dikumpulkan menerusi analisis dokumen seperti jurnal, buku, majalah, monograf dan sebagainya. Pengumpulan data-data telah dilaksanakan di dalam Perpustakaan Awam Negara, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Kajian kepustakaan dilakukan untuk pengumpulan data menerusi soalan kajian (iiii). Dalam usaha pengumpulan data dan maklumat daripada soalan kajian tersebut, pengkaji telah memanfaatkan analisis secara terperinci bahan-bahan yang terdapat di dalam perpustakaan-perpustakaan yang dikenal pasti.

### ***Penganalisan Data***

Data yang telah diperoleh telah dianalisis oleh pengkaji dengan menggunakan teori Relevans (1986). Tumpuan analisis adalah pada bahasa beradat bagi adat Perpatih dan Temenggong yang wujud bertaburan. Penganalisan telah diselaraskan menerusi prinsip-prinsip yang berasaskan teori Relevans. Antaranya; (i) semakin relevan sesuatu ujaran semakin banyak kesan konteks yang diperoleh menerusi syarat keseimbangan dalam semua faktor; dan (ii) semakin rendah kos proses, maka semakin relevan sesuatu ujaran dengan peruntukan teoritis dalam keadaan yang seimbang. Berikutnya, setiap bahasa beradat telah ditafsirkan maknanya.

Pelaksanaan penganalisan data berdasarkan teori Relevans (1986) telah diselaraskan dengan data utama kajian ini, iaitu verbatim mesej tersirat, bentuk bahasa beradat dan kaedah penyerapan bahasa beradat dalam istiadat-istiadat adat Perpatih dan Temenggong. Kesemua data yang diperoleh adalah menerusi kaedah rakaman temu bual dan analisis dokumen. Penggunaan verbatim mesej tersirat, bentuk bahasa beradat dan kaedah penyerapan bahasa beradat dalam istiadat adat Perpatih dan Temenggong pula telah disesuaikan mengikut saranan Perakyla (2005).



**Rajah 3.1: Carta alir analisis data.**

Daripada jadual tersebut, verbatim mesej tersirat ditumpukan kepada aspek pragmatik. Bentuk bahasa beradat pula difokuskan kepada dialek, idiolek, dialek kawasan dan dialek sosial. Verbatim kaedah penyerapan bahasa beradat dalam istiadat-istiadat adat Perpatih dan Temenggong telah diselarikan dengan komunikasi, ucapan, panggilan, perlakuan dan pergaulan.

Kesemua verbatim dikodkan mengikut urutan dan susunan yang sistematik dengan berpandukan saranan Lim Kim Hui (2005). Pelaksanaan prosedur pelbagai pengutipan data dapat menyediakan peluang kepada proses triangulasi dan pengukuhan analisis data bagi sesuatu kajian (Miles & Huberman, 1994; dan Merriam, 2001). Justeru, daripada pendapat tersebut, penganalisan data dipaparkan dalam Jadual 3.1.

**Jadual 3.1: Penganalisan data berasaskan kod verbatim.**

<b>Kod Verbatim</b>	<b>Subkod Verbatim</b>	<b>Analisis Data</b>
Mesej Tersirat (MT)	Pragmatik (P) (a) Kiasan (1) (b) Perbilangan (2) (c) Bidalan (3) (d) Konteks (4) (e) Melebihi Makna (5) (f) Jarak Sosial (6)	Temu Bual dan Dokumen
Bentuk Bahasa Beradat (BBB)	Dialek (D) Ideolek (I) Dialek Kawasan (DK)	Temu Bual dan Dokumen
Kaedah Penyerapan Bahasa Beradat (KPB)	Komunikasi (K) Ucapan (U) Panggilan (Png) Perlakuan (Plk) Pergaulan (Prg)	Dokumen

Jadual 3.1 menunjukkan proses penganalisan data yang dilaksanakan untuk kajian ini. Kajian ini berkisar kepada tiga kod verbatim, iaitu mesej tersirat, bentuk bahasa beradat dan kaedah penyerapan bahasa beradat. Bagi setiap verbatim, penelitian tertakluk pada analisis daripada pandangan pakar. Mesej tersirat dikodkan MT. Bentuk bahasa beradat pula dikodkan BBB, manakala kaedah penyerapan bahasa beradat diberikan kod KPB.

Subkod verbatim pragmatik bawah kod verbatim MT ditandakan dengan P. Dalam kajian ini, subkod verbatim terbabit berpaksikan pragmatik ialah: kiasan (1); perbilangan (2); bidalan (3); konteks (4); melebihi makna; (5); dan jarak sosial (6).

Subkod verbatim dalam BBB terdiri daripada: dialek (D); idiolek (I); dan dialek kawasan (DK). Bagi kod verbatim KPB pula, subkod verbatim yang terlibat ialah: komunikasi eufemisme (KE): ucapan (U): panggilan (Png); perlakuan (Plk); dan pergaulan (Prg).

Rujukan untuk penganalisan data menjuruskan kepada pengekodan mengikut kod verbatim dan subkod verbatim tertentu. Menurut Yule (1996), sesuatu subkod verbatim boleh disesuaikan dengan klasifikasi kod verbatim tertentu.

***Apakah mesej-mesej tersirat dalam bahasa beradat istiadat-istiadat bagi adat Perpatih dan Temenggong?***

Dapatan kajian ini disandarkan kepada kod-kod verbatim dan subkod-subkod verbatim yang telah ditetapkan untuk menjawab semua soalan kajian. Kod verbatim terlibat yang dikaitkan dengan soalan kajian ini adalah tentang mesej tersirat.

***Mesej Tersirat (MT)***

Dapatan kajian berdasarkan mesej tersirat telah disesuaikan dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam teori Relevans. Prinsip-prinsip berkenaan ialah konteks, kesan konteks dan kos memproses.

<b>MTP</b>
Kod verbatim ialah mesej tersirat, manakala subkod verbatim ialah pragmatik.
<b>MTP1</b>
Kiasan bermaksud perkara yang dikiaskan. Contoh kiasan ialah “ <i>yang berat boleh jadi ringan, yang ringan kita boleh jinjing</i> ”.
Kiasan adalah juga tentang sesuatu bahasa yang indah didengar. Lazimnya, dalam adat Perpatih dan Temenggong, kiasan memerihalkan istiadat pertunangan untuk dikaitkan dengan aspirasi makna pragmatik, iaitu tentang <i>sesuatu dipermudah</i> .

Petunjuk:

MTP = Mesej Tersirat

MTP1 = Mesej Tersirat Pragmatik Kiasan

<b>MTP</b>
Kod verbatim ialah mesej tersirat, manakala subkod verbatim ialah pragmatik.
<b>MTP2</b>
Perbilangan banyak terpapar dalam pelaksanaan istiadat adat Perpatih dan Temenggong. Tujuannya untuk mengungkapkan sesuatu perkara. Dapatan kajian menunjukkan masyarakat yang mengamalkan adat Perpatih dan Temenggong amat mementingkan budi dalam kehidupan bersuku. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan perbilangan berikut:
<i>Hati gajah sama dilapah,</i>
<i>Hati kuman sama dicecah,</i>
<i>Sejamban seperulangan,</i>
<i>Seperigi sepermandian.</i>
Budi dicernakan dalam masyarakat menerusi persetujuan kaum lelaki berkenaan tanah pusaka. Bagi adat Perpatih, tanah pusaka menjadi hak perempuan sepenuhnya. Budi disumbangkan dalam beberapa baris perbilangan, iaitu materi; <i>hati gajah sama dilapah</i> . Tenaga dimaksudkan <i>ringan sama dijinjing</i> . Dalam konteks yang sama, perbilangan turut mencerap pekerti; <i>yang tua dimuliakan, yang muda dikasihi, sama besar hormat menghormati</i> . Perkara ini ditunjukkan seperti berikut:
<i>Yang tua dimuliakan,</i>
<i>Yang muda dikasihi,</i>
<i>Sama sebaya ajak berpakat.</i>

Petunjuk:

MTP = Mesej Tersirat Pragmatik

MTP2 = Mesej Tersirat Pragmatik Perbilangan

<b>MTP</b>
Kod verbatim ialah mesej tersirat, manakala subkod verbatim ialah pragmatik.
<b>MTP3</b>

Bidalan tidak terkecuali dalam adat Perpatih dan Temenggong. Secara umumnya, bidalan adalah sesuatu yang menunjukkan *seperti* atau *misalan*. Dalam hal ini boleh dikaitkan dengan kaum perempuan yang dipanggil *bunda kandung*. Hal ini demikian kerana mereka menjadi penentu untuk generasi akan datang. Baik dan buruk seseorang anak bergantung pada seseorang ibu. Penekanan dan hakikat ini dapat dilihat dalam dapatan berikut:

*Kalau keruh air di hulu,*

*Sampai ke muara keruhnya.*

Perkara yang sama dalam kelaziman bidalan juga boleh dilihat dalam ungkapan, *jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya*. Maksud bidalan ini merujuk kepada sesuatu usaha yang harus dilakukan. Terasnya ialah adat dipegang teguh untuk diamalkan. Bahasa beradat berkenaan yang dilingkari dalam masyarakat adat Perpatih dan Temenggong ditunjukkan di bawah:

*Hidup dikandung adat,*

*Mati dikandung tanah.*

Petunjuk:

MTP = Mesej Tersirat Pragmatik

MTP3 = Mesej Tersirat Pragmatik Bidalan

<b>MTP4</b>
Kajian makna mengikut konteks atau bidang yang ingin diceburi.
Bahasa beradat yang digunakan ialah <i>adat menjemput batang tubuh</i> .
Bahasa beradat ini membabitkan istiadat, sama ada membawa balik lelaki yang kematian isteri ke rumah pusaka ibu ataupun ke telapak ataupun dalam suku. Dalam upacara berkenaan, turut diselesaikan adalah tentang masalah pembahagian atau perwarisan harta.

Petunjuk:

MTP4 = Mesej Tersirat Pragmatik Konteks

<b>MTP4</b>
Kajian makna mengikut konteks atau bidang yang ingin diceburi.
Bahasa beradat yang digunakan ialah <i>adat mensiang</i> .
Bahasa beradat ini melibatkan istiadat pencarian pengganti bagi pegawai atau ketua adat yang telah meninggal dunia.

Petunjuk:

MTP4 = Mesej Tersirat Pragmatik Konteks

<b>MTP4</b>
Kajian makna mengikut konteks atau bidang yang ingin diceburi.
Bahasa beradat yang digunakan ialah <i>adat naik tanda turun</i> .
Bahasa beradat ini berlaku dalam istiadat pemulangan cincin pertunangan oleh pihak perempuan kepada pihak lelaki atau dinamakan <i>tanda turun</i> . Istiadat ini dilaksanakan setelah pihak lelaki membayar wang adat atau dipanggil <i>adat naik</i> pada hari atau malam ijab kabul.

Petunjuk:

MTP4 = Mesej Tersirat Pragmatik Konteks

<b>MTP4</b>
Kajian makna mengikut konteks atau bidang yang ingin diceburi.
Bahasa beradat yang digunakan ialah <i>kepala adat</i> .
Bahasa beradat ini berlaku dalam istiadat peminangan. Dalam istiadat ini, sirih dijadikan bahan utama. Sirih peminangan disusun di dalam tepak sirih yang diperbuat daripada kayu. Tepak sirih juga disarungkan kain baldu, selain ditekankan benang emas

Petunjuk:

MTP4 = Mesej Tersirat Pragmatik Konteks

<b>MTP4</b>
Kajian makna mengikut konteks atau bidang yang ingin diceburi.
Bahasa beradat yang digunakan ialah <i>bokampung</i> .

Bahasa beradat ini berlaku dalam istiadat perkahwinan. Bahasa beradat yang tampil daripada *bokampung* menunjukkan muafakat. Tujuannya adalah untuk merancang dan melaksanakan aktiviti kenduri kahwin dari peringkat awal hingga tamat istiadat.

Petunjuk:

MTP4 = Mesej Tersirat Pragmatik Konteks

<b>MTP4</b>
Kajian makna mengikut konteks atau bidang yang ingin diceburi.
Bahasa beradat yang digunakan ialah <i>siso</i> .
Bahasa beradat ini berlaku dalam istiadat perkahwinan. Bahasa beradat <i>siso</i> ini bermaksud barangan atau hadiah yang dibawa untuk diberikan kepada sebelah pihak.

Petunjuk:

MTP4 = Mesej Tersirat Pragmatik Konteks

<b>MTP5</b>
Kajian makna mengikut konteks atau bidang yang ingin diceburi.
Bahasa beradat yang digunakan ialah <i>cukai</i> .
Bahasa beradat ini berlaku dalam istiadat perkahwinan. Setelah selesai sambutan raja sehari, pengantin perempuan dibawa masuk ke dalam rumahnya, lalu duduk di atas pelamin. Pengantin lelaki pula akan ditahan di beberapa tempat sebelum menuju ke pelamin. Orang kuat adat akan menyebut <i>cukai</i> atau dinamakan bayaran saguehati kepada pihak tuan rumah. Kadangkala pengantin lelaki akan diminta menyanyi. Jika tidak berbuat demikian, maka denda dikenakan. <i>Cukai</i> adalah semata-mata sebagai bahan gurau-senda.

Petunjuk:

MTP5 = Mesej Tersirat Pragmatik Melebihi Makna

<b>MTP5</b>
Kajian makna mengikut konteks atau bidang yang ingin diceburi.
Bahasa beradat yang digunakan ialah <i>berinai kecil</i> .
Bahasa beradat <i>berinai kecil</i> membabitkan istiadat perkahwinan. Berinai kecil ialah upacara permulaan dalam persiapan pengantin perempuan. Istiadat ini juga disebut <i>berinai curi</i> . Hakikat bahasa beradat ini menjurus kepada penglibatan bersama saudara-mara pihak perempuan dalam sesuatu yang memaparkan keindahan.

Petunjuk:

MTP4 = Mesej Tersirat Pragmatik Melebihi Makna

<b>MTP5</b>
Kajian makna mengikut konteks atau bidang yang ingin diceburi.
Bahasa beradat yang digunakan ialah <i>adat membelah mulut bayi</i> .
Bahasa beradat terlaksana apabila bayi yang baru dilahirkan harus dibelah mulutnya dengan menggunakan cincin belah rotan. Selalunya cincin dicelup ke dalam susu untuk kemanisan, garam untuk kemasinan, manakala asam jawa untuk kemasaman. Lafaz bahasa beradat ini mendoakan anak yang lahir akan menjadi hebat dalam pertuturan dan bacaan Quran. Ada pihak adat yang mencelupkan cincin ke dalam air zam-zam dengan tujuan yang sama seperti di atas.

Petunjuk:

MTP5 = Mesej Tersirat Pragmatik Melebihi Makna

<b>MTP6</b>
Kajian makna berdasarkan ekspresi mengikut jarak sosial yang membatasi percakapan tertentu.
Bahasa beradat yang digunakan ialah <i>merisik</i> . <i>Merisik</i> merujuk kepada bertanya-tanya, berakuk-akuk dan membuang-buang cakap.
Bahasa beradat berlaku dalam istiadat akad pernikahan. Sebutan, " <i>bismillahi rahmanirrahim, saya Sudin menikahkan anak saya, Nur Azini binti Sudin dengan Mohd Syakir bin Abdul Manaf</i> " .....

Petunjuk:

MTP5 = Mesej Tersirat Pragmatik Jarak Sosial

***Apakah bentuk-bentuk bahasa beradat dalam istiadat-istiadat adat Perpatih dan Temenggong?***

Kod Verbatim	Subkod Verbatim	Bahasa Beradat	Maksud
BBB	D	Semenda	Wujud pertalian kekeluargaan dalam istiadat, misalnya perkahwinan.
		Pulut Semangat	Paparan unsur psikologi yang dapat meningkatkan kemeriahan sesuatu istiadat, seperti khatam al-Quran.
		Air Tawar	Berarah kepada sesuatu penyelesaian. Air yang ditawarkan, sama ada menerusi bacaan al-Quran ataupun mantera dijadikan penawar.
		Minyak Selusuh	Minyak selusuh diperbuat daripada santan kelapa. Minyak tersebut ditawarkan ayat-ayat al-Quran tertentu dan harus diminum oleh ibu sebelum melahirkan anak. Minyak ini dianggap alternatif untuk membantu ibu melancarkan proses kelahiran.
		Poncuri	Dikaitkan dengan pencuri.
		Ponyamun	Dihubungkan dengan penyamun.
		Kolaka	Dijuruskan dengan sesuatu yang bersifat lucu.
		Sogan	Malu-malu kerana belum biasa.
		Bekwoh	Bahasa beradat ini berasaskan dialek Kelantan ini dikaitkan dengan pelaksanaan kenduri yang besar. Masyarakat Kelantan mengamalkan kenduri menerusi dua pilihan, sama ada kenduri kahwin yang dijalankan dengan niat kenduri arwah ataupun kenduri kesyukuran. Jika kenduri arwah, jemputan tidak perlu diberikan sebarang bentuk hadiah atau wang. Hal ini demikian kerana keluarga pengantin telah berniat untuk bersedekah. Jika pihak pengantin berniat untuk kesyukuran, tetamu yang hadir akan hanya bersalaman dengan ibu bapa pengantin. Kemudiannya, menghulurkan wang sebagai tanda berterima kasih atas jemputan.
BBD	I	Aya	Rujukan bagi saya.
		Coti	Rujukan bagi cuti.
		Cukur Jambul	Dalam dialek Pahang, terdapat penggunaan bahasa Arab yang bertujuan menerapkan elemen keagamaan. Hal ini demikian kerana bahasa asal dalam sifat berdoa perlu menggunakan bahasa Arab. Misalnya,  <i>Ya, Munna, Hamirul Zulfy bin Zulkarnain, barakallah... (majlis cukur jambul)</i>
		Rahmat Dunio	Bentuk bahasa beradat ini menjadikan sifat seseorang merujuk kepada cara atau kata-kata yang diluahkan mengikut konteks tersendiri. Perkara ini dapat dilihat dalam analisis idiolek adat Temenggong, seperti:  <i>Dan segala kita pada bulan maulud, dan nak perkahwinan ni mendapat rahmat dunio sampai ke akhirat.</i>
BBD	DK	Cincin Mata Serunai	Bahasa beradat ini dihubungkan dengan perantaraan. Cincin pertunangan yang dibawa oleh pihak lelaki dalam upacara pertunangan. Cincin tersebut diikat dengan benang tujuh warna yang dipintal terlebih dahulu.

***Apakah kaedah-kaedah yang sesuai untuk penyerapan bahasa beradat dalam istiadat-istiadat adat Perpatih dan adat Temenggong?***



Verbatim	Subkod Verbatim / Kaedah	Keterangan
KPB	KE	Kaedah menerusi komunikasi eufemisme digunakan untuk memaparkan kesopanan menerusi penggunaan perkataan yang dianggap lembut. Dalam masyarakat adat Perpatih dan Temenggong, konsep kepatuhan kepada undang-undang banyak dikaitkan dengan komunikasi beradab. Misalnya, kiasan gayang yang menunjukkan penyebutan sesuatu isyarat dengan menggunakan perkataan yang manis dan berupaya menutup sesuatu perkara yang tidak elok bunyinya, seperti <i>kencing</i> diganti dengan <i>buang air kecil</i> .
	U	Kaedah berlandaskan pelaksanaan kata adat yang sopan dan halus bahasa banyak diaplikasikan dalam ucapan. Pengaplikasian menyentuh aktiviti beradat, terutamanya dalam istiadat berlembaga. Dalam adat Perpatih di semua daerah dan Temenggong di sempadan Segamat Gemas , pada awal ucapan sering diujarkan: <i>Adat unciang pusako tajam, digayak layu, diubah mati, disalai botuneh</i> . Dalam bahasa yang standard dan piawai adat, sebutannya ialah <i>adat runcing pusaka tajam, diinjak layu, diubah mati, disalai bertunas</i> .
	Png	Kaedah menerusi panggilan berdasarkan gelaran lazimnya ditujukan kepada orang yang bergelar. Panggilan orang yang bergelar dalam adat Perpatih berbunyi: <i>Datuak Parpatiah nan Sabatang</i> . Panggilan dalam adat Temenggong pula ialah: <i>Orang Kaya Temenggong</i> atau <i>Orang Kaya Menteri</i> .
	Plk	Kaedah menerusi perlakuan dimaksudkan kehidupan yang berprinsip dan berfokuskan permuafakatan. Pembuktian kaedah dikesan berdasarkan penggunaan kata, <i>adat patah tumbuh hilang berganti</i> . Dalam masyarakat adat Perpatih dan Temenggong, ada yang dituakan, ada yang diketuakan dan ada yang dipertuakan untuk melaksanakan hukum peraturan dan konsep kemimpinan masyarakat beradat. Oleh itu, kedua-dua adat meletakkan perlakuan melantik ketua atau pemimpin adat, seperti <i>adat bekorjan</i> dan <i>adat menyembah raja</i> dalam konteks protokol.
	Prg	Kaedah berdasarkan penggunaan konsep <i>sahino samalu</i> dalam kalangan orang Minang sering dikaitkan dengan amalan pergaulan dalam adat Perpatih dan Temenggong. Konsep ini mengutamakan kehidupan kelompok suku yang sangat erat. Hubungan individu dengan anggota kelompok yang membabitkan kaum lain sangat dekat. Mereka bagaikan satu kesatuan yang tunggal. Jarak antara <i>kau</i> dan <i>aku</i> hampir tidak wujud. Istilah <i>awak</i> pula menggambarkan kedekatan ini. Jika urusan yang rumit dapat diselesaikan dengan cara <i>awak samo awak</i> , semuanya akan menjadi mudah.

		<p>Kedekatan hubungan dalam kelompok suku ini mewujudkan harga diri seseorang. Jika seseorang anggota suku diremehkan dalam pergaulan, maka seluruh anggota suku akan berasa tersinggung. Begitu juga apabila sesuatu suku dimalukan, maka seluruh anggota suku berkenaan akan serentak membela nama baik sukunya.</p>
--	--	--

### Perbincangan

Dapatan yang begitu signifikan berpandukan dapatan kajian ini berfokus kepada tiga verbatim utama. Verbatim utama yang terlibat ialah mesej tersirat bahasa beradat, bentuk bahasa beradat dan kaedah penyerapan bahasa beradat dalam istiadat-istiadat adat Perpatih dan Temenggong. Setiap verbatim pula dipecahkan kepada subkod-subkod verbatim yang ditetapkan.

Menurut Azzal Abu Talib (1993), kedudukan adat sesetengah suku dalam masyarakat adat Perpatih dan Temenggong sangat rapat dengan bahasa beradat yang menyentuh tentang aspirasi mesej, bentuk bahasa yang digunakan, dan tatacara diterap dalam istiadat-istiadat tertentu. Hal ini demikian kerana dalam bahasa beradat telah terjalin mesej dalam organisasi komunikasi, perlakuan, idea dan sentimen masyarakat. Pendapat beliau tersebut memaparkan bahawa bahasa beradat merupakan perantaraan antara masyarakat dengan nilai sosiobudaya dan kebudayaan yang berteraskan aspek peradaban.

Perkara ini ditinjau pada kedudukan bahasa beradat dalam kajian ini yang mempunyai mesej tersirat yang berpedomankan makna yang lebih luas. Pandangan Azzal Abu Talib (1993) menyokong kajian ini yang menunjukkan bahawa tahap keluasan makna adalah tidak terbatas. Keluasan makna yang berkaitan dengan aspek pragmatik bagi kajian ini dihubungkan dengan kiasan, perbilang dan bidalan. Paparan yang jelas dapat ditelitikan daripada mesej tersirat dalam adat Perpatih dan Temenggong. Misalnya menerusi *hidup dikandung adat, mati dikandung tanah dan yang berat boleh jadi ringan, yang ringan kita boleh jinjing*".

Darwis Harahap dan Abdul Jalil Hj. Anuar (2000) pula berpendapat bahawa aspek pragmatik dalam bahasa beradat merupakan wahana kesantunan yang terkandung warisan-warisan khazanah kehidupan masyarakat yang beretika. Senario tersebut didapati selari dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan bahasa beradat seperti *menjemput batang tubuh* menunjukkan aspek pragmatik konteks telah disusurgalurkan kepada penyelesaian isu perwarisan dan pembahagian harta.

Bahasa beradat tersebut menunjukkan bahawa pemikiran masyarakat beradat yang utuh adalah berpegang pada penggunaan peribahasa, perumpamaan, ungkapan dan sebagainya. Daripada pandangan Jelani Haron (2006), bahasa beradat yang berpaksikan pragmatik konteks turut dikaitkan dengan medium bahasa masyarakat. Medium ini membicarakan nilai bahasa, budaya, kebudayaan, pendidikan, pengetahuan, kepemimpinan, kemasyarakatan dan sikap manusia.

Dalam memastikan keutuhan dan kemantapan sesuatu tamadun bangsa, bahasa beradat bertindak sebagai jentera perhubungan antara sesama anggota masyarakat, khususnya yang berpaksikan ketegaran adat (Nordin Selat, 2007). Pemakaian bahasa beradat yang tersurat, tersirat dan tersusun, selain sistematik mampu memaparkan kepelbagaian konsep, idea, dapatan dan penemuan untuk dikembangkan kepada masyarakat menerusi sistem pendidikan, selain interaksi dalam berbagai-bagai bentuk wacana (Norhalim Hj. Ibrahim, 1993). Matlamatnya untuk memastikan unsur

kebudayaan dan kehidupan berasaskan bahasa beradat dapat diwariskan daripada satu generasi kepada satu generasi. Dalam kajian ini, sokongan pernyataan tersebut dipaparkan menerusi *yang tua dimuliakan, yang muda dikasihi, sama besar hormat menghormati*. Dapatan kajian ini juga membicarakan bahawa masyarakat yang mengamalkan adat Perpatih dan Temenggong amat mengutamakan budi dalam kehidupan bersuku.

Awang Sariyan (2007) turut mengemukakan pandangan bahawa asas khazanah bahasa yang bernilai tinggi perlu ada jalinan bahasa beradat yang bersantun. Pandangan Awang Sariyan boleh dikaitkan dengan penilaian sosiobudaya sesebuah masyarakat yang bermuafakat, terutamanya dalam suku-suku adat yang berkaitan menerusi sesuatu istiadat.

Kesantunan juga wajar dihindarkan dalam bahasa beradat bagi adat Perpatih dan Temenggong, terutamanya menerusi peranan ketua-ketua suku yang mendominasi adat (Mohamad Jajuli A. Rahman, 1995). Pendapat Mohamad Jajuli A. Rahman didapati selari dengan dapatan kajian ini berdasarkan bahasa beradat *bokampung* yang bermaksud muafakat. Tujuannya lebih berfokus kepada perancangan dan pelaksanaan istiadat, misalnya kenduri kahwin. Hakikat bahasa beradat ini menampilkan usaha dan kerjasama serta penglibatan saudara-mara pihak perempuan dalam istiadat pertunangan dan perkahwinan.

Jika dikaitkan dengan aspek mesej tersirat pragmatik perbilangannya berdasarkan *adat mensiang*, Azzal Abu Talib (1993) menjelaskan bahawa pemimpin dalam suku tertentu dipilih menerusi muafakat antara anggota-anggota. Bahasa beradat ini membabitkan istiadat pencarian pengganti bagi pegawai atau ketua adat.

Lantikan setiap suku pula ditentukan oleh lembaga. Daripada perundangan kecil adat, lembaga dipilih pula oleh buapak dan perut yang berada dalam sesuatu suku (Hookers, 1972). Buapak pula dilantik oleh anak buah. Dalam sistem tradisi, buapak, lembaga dan penghulu dilantik dan dipilih berdasarkan pungutan suara. Kuasa yang dipegang oleh lembaga pula melibatkan perlantikan dan pemecatan penghulu atau undang.

Ahli jawatankuasa lembaga dipilih berdasarkan sistem giliran daripada setiap perut dalam sesuatu suku. Penghulu atau suku pula dilantik oleh biduanda. Ketua suku boleh dipecat jika didapati memburukkan nama suku, cuai dalam menjalankan tugas, menyalahgunakan kuasa serta melampaui batasan kuasa. Pencerapan dalam kajian ini yang disesuaikan dengan pandangan Hookers (1972) dan Azal Abu Talib (1993) ditunjukkan pada seungkap baris, iaitu *hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah, sejamban seperulangan, seperigi sepermandian*.

Dalam sistem ekonomi masyarakat adat Perpatih dan Temenggong yang berpaksikan pertanian, tanah merupakan ciri utama dalam pemilikan. Menurut Roswati Yaakub (1997), pemilikan tanah adalah atas perwarisan dan pencarian sendiri. Tanah pusaka hanya boleh dimiliki oleh perempuan, manakala urusan pentadbiran diurus oleh lelaki.

Daripada perundangan kecil adat-adat tersebut, kaum lelaki tidak boleh memiliki tanah, tetapi boleh menikmati hasilnya seperti buah-buahan dan sayur-sayuran (Roswati Yaakub, 1997). Jika sesebuah keluarga tidak memiliki anak perempuan, harta pusaka diberikan kepada saudara perempuan suku berkenaan (Zainur Zakaria, 1995). Harta carian pula boleh dimiliki oleh lelaki

atas usaha sendiri. Dalam kajian ini pernyataan berkenaan didasarkan kepada *adat menjemput batang tubuh*.

Pernyataan di atas turut disesuaikan dengan sistem sosial kedua-dua adat yang menggariskan beberapa panduan. Dalam aspek perkahwinan, seseorang tidak dibenarkan berkahwin sesama suku, malah keturunan diselaraskan dengan nasab sebelah ibu. Jika berlaku perkahwinan antara mereka, wujud kesalahan besar, selain dianggap hina.

Dari segi ekonomi dan pengagihan sumber, adat menggariskan beberapa panduan untuk dipatuhi oleh masyarakat. Perkara paling asas bagi ekonomi ialah tanah. Konsep asas milik tanah daripada nilai dan susunan masyarakat. Dasar yang dipanggil milikan ini sepenuhnya menjadi milikan perempuan tetapi tidak menghalang penggunaan oleh pihak lelaki. Pihak lelaki amat digalakkan mencari harta sendiri untuk milikan. Salah satu cara melalui perdagangan. Adat juga menggariskan beberapa panduan pembinaan organisasi masyarakat dan prinsip-prinsip Perubahan. Permuafakatan dan cara bulat kata, selain galakan merantau untuk mencari rezeki dipersetujui. Oleh hal demikian, berlaku pertembungan serta perubahan dan pembaharuan daripada budaya luar akibat perantauan. Dalam adat, setiap pembaharuan perlulah menjalani proses permuafakatan dan kebulatan kata. Perkara paling utama dalam pengejalan adat adalah berkaitan hidup bersuku, kampung dan halaman disebabkan akan mewujudkan masyarakat yang baharu. Jika dilakukan juga, sistem denda akan dilaksanakan (Nordin Selat, 2007).

Dalam sistem perwarisan, kaedah perlakuan menerusi pembahagian harta yang diperoleh tidak dimasukkan dalam pengelompokan kekeluargaan (Abdullah Sidik, 1975). Oleh hal yang demikian, harta yang diperoleh adalah secara persendirian. Kebiasannya pembahagian harta akan mengikut hukum syarak. Jika berlaku kematian, harta akan dibahagikan kepada waris yang berhak. Misalnya, balu daripada si mati berhak mendapat satu bahagian dalam harta sepencarian. Sekiranya simati telah menetapkan beberapa bahagian yang berhak kepada balunya maka wasiat itu akan digunakan. Jika si mati tidak mempunyai anak harta peninggalan sedikit, harta tersebut akan diberikan kepada balu sepenuhnya. Perkara ini harus diselesaikan oleh penghulu atau ketua kampung. Kini, sistem perwarisan harta ini lebih tersusun dengan mengikut hukum syarak. Perkara ini lebih menyenangkan jika seseorang terlebih dahulu menulis wasiat untuk pemberian harta dan diserahkan kepada peguam yang dilantik atau seseorang yang boleh dipercayai sebagai pemegang amanah (Abdullah Sidik).

Pandangan Abdullah Sidik (1975) berdasarkan sistem perwarisan adalah signifikan dari segi sistem pentadbiran politik, iaitu kedua-dua adat dikuasai oleh pemerintah, sama ada raja ataupun sultan. Ini diikuti oleh waris kerabat raja yang berhak dan pembesar-pembesar yang memegang portfolio tertentu. Perkara yang membezakan antara adat ini adalah dari segi perlantikan dalam pentadbiran. Corak pentadbiran dalam pemerintahan negeri-negeri Melayu sebenarnya bersifat autokrat. Dalam negeri-negeri Melayu, raja atau sultan diberikan kuasa penuh untuk melantik. Pelantikan raja mengikut perwarisan dan menerusi pertabalan.

Daripada pandangan A. Samad Ahmad (1996), jika seorang raja mangkat, anak lelaki sulung akan ditabalkan takhta raja. Bagi wilayah atau jajahan dalam sesebuah negeri yang diterajui oleh pihak istana, perlantikan pembesar-pembesar bermatlamat menjaga keamanan. Perlantikan tersebut mendasari bahasa beradat yang berasaskan lantikan dalam kalangan kerabat. Kategori kedua ialah

lantikan dalam kalangan orang biasa yang telah berjasa kepada raja. Pembesar jajahan pula memerintah bawah kuasa tersendiri, selain tidak memerlukan sokongan sultan. Bagi pembesar jajahan pula, pentadbiran dilaksanakan oleh penghulu atau ketua kampung. Pemilihan mereka bergantung pada kepercayaan pembesar jajahan. Jika penghulu atau ketua kampung meninggal dunia, jawatan tersebut akan diwariskan kepada anak lelaki atau saudara terdekat.

Menurut Abdul Rahman Ahmad Hanafiah (2002), kaedah penyerapan bahasa beradat dapat disesuaikan dengan pergaulan. Dalam kajian ini, bagi organisasi kehidupan adat Perpatih dan Temenggong, wujud sifat mementingkan kesejahteraan keluarga. Perkara ini menjadi dasar organisasi kehidupan yang telah diamalkan oleh pembesar adat-adat tersebut. Walaupun orang yang berada di luar daripada keluarga dipanggil orang asing, tetapi sikap kerjasama, gotong-royong dan muafakat adalah licin dan lancar.

Daripada pandangan Jelani Haron (2006) tentang aspek pergaulan yang berasaskan kaedah penyerapan, huraian berkaitan adat Perpatih dan Temenggong adalah berpaksikan kepemimpinan dalam masyarakat Melayu yang mengamalkan dwisisi. Oleh hal yang demikian, pemahaman terhadap aspek pergaulan dalam kepemimpinan dapat dilihat dengan jelas dari segi nasab. Misalnya, pemilikan hak seseorang terhadap jawatan dan pangkat ditentukan oleh keturunan mengikut galur sebelah ibu. Ini berbeza dengan adat Temenggong yang diamalkan oleh kebanyakan negeri Melayu yang lain yang ditentukan oleh pertalian seseorang dengan ibu atau bapa. Fakta sejarah menunjukkan bahawa adat Temenggong telah lama wujud di negeri-negeri Melayu dan disusurgalurkan daripada Kesultanan Melayu Melaka. Penekanan lebih kepada nasab sebelah bapa. Alasannya, unsur-unsur kemasukan pengaruh Islam menegaskan perkiraan nasab mengikut sebelah bapa.

Jelani Haron (2006) menambah bahawa perkahwinan sesama suku dianggap berkahwin dengan adik beradik. Pesalah harus diusir dari tanah pusaka serta dilucutkan keahlian. Istiadat ini dinamakan *masuk adat* yang harus dilakukan jika sesuatu perkara yang menjadi isu ingin diselesaikan. Dalam pada itu, terdapat beberapa syarat yang harus diikuti. Syarat-syarat berkenaan berbeza dengan setiap luak. Perkara yang diperlukan ialah dendaan dalam bentuk wang dan harta.

Menurut Nordin Selat (2007), bahasa beradat dalam istiadat *masuk adat* dimulakan dengan pasangan terbabit mengakui kesalahan. Kemudian, mereka menyatakan hasrat untuk merujuk semula dalam suku. Selesai berbicara, mereka harus melakukan sembah kepada semua anggota suku yang hadir. Galakan juga wujud untuk berkahwin luar daripada suku kerana suami harus mengikut isteri apabila sudah berkahwin. Suami akan menjadi orang *semenda* dalam suku isteri. Suku isteri ini dipanggil *tempat semenda*. Orang *semenda* tidak ada kuasa dalam suku isteri, tetapi tetap dihormati. Sebarang bentuk perselisihan dan ketidaksefahaman harus dielakkan kerana impaknya mendatangkan malu kepada suku.

Daripada kajian Roswati Yaakub (1997) yang berkisar kepada dilema tanah adat pada abad ke-20 memperlihatkan kewujudan permilikan tanah adat dalam *semenda*. Selain itu, kajian beliau melibatkan penerokaan faktor tanah pusaka yang tidak boleh dibangunkan.

Hal ini demikian kerana dalam *semenda*, tanah mempunyai nilai ekonomi yang tinggi, tetapi tidak dibangunkan. Ini disebabkan pemilik tanah tidak mahu menyerahkan tanah mereka kerana

berpegang teguh kepada adat pusaka. Sistem perwarisan ini dinamakan Hukum Waris Adat. Ciri hukum ini yang mengatur harta peninggalan seseorang yang meninggal dunia kepada waris (Abdullah Sidik, 1975). Dalam sistem perwarisan adat, hak milik kepada tanah adat tidak boleh dipindah milik. Persetujuan adalah perlu daripada ketua adat atau waris yang berhak atas tanah tersebut jika ingin dipindahmilikkan, digadai atau dijual.

Abdullah Sidik (1975) juga berpandangan bahawa dalam *penyemendaan*, pemilikan harta waris perlu mengikut nasab sebelah ibu. Hal ini demikian kerana adat amat mementingkan nasab keturunan sebelah perempuan atas alasan sifat perempuan yang lemah dan gerak-geri yang terbatas.

Menurut Abdullah Sidik (1975), dari segi nasab dan penghormatan berdasarkan semenda, keutamaan diberikan kepada wanita. Pemilikan harta juga dibandingkan mengikut hukum syarak Islam, iaitu hak wanita hanya satu perdua daripada bahagian lelaki. Hukum Islam pula amat mementingkan hak lelaki yang utama dalam perwarisan harta. Perkara ini berlandaskan tanggungjawab berat yang dipikul oleh kaum lelaki. Antaranya ialah pengeluaran zakat bagi isteri setiap tahun, penyaraan isteri dan anak-anak, ketua dalam rumah serta pemimpin masyarakat.

Dalam kupasan aspek penyerapan bahasa beradat, jika dikaitkan dengan kaedah berasaskan komunikasi eufemisme, pentadbiran dan politik kedua-dua adat memberikan penekanan kepada sistem bahasa beradat (Nurhalim Hj. Ibrahim, 1993). Misalnya, kesopanan menerusi penggunaan perkataan yang dianggap lembut.

Dalam masyarakat adat Perpatih dan Temenggong, konsep kepatuhan kepada undang-undang banyak dikaitkan dengan komunikasi beradat. Misalnya, *kiasan gayang* yang menunjukkan sebutan berdasarkan isyarat tertentu dengan menggunakan perkataan yang manis. Daripada analisis pandangan Lim Kim Hui (2005), komunikasi eufemisme dilaksanakan dalam istiadat demi kemantapan struktur masyarakat. Konsep yang diamalkan ini menuntut keadilan, selain mengelakkan berlakunya kezaliman. Hal ini bergantung sepenuhnya kepada golongan masyarakat yang mengutamakan kesantunan (Awang Sariyan, 2007).

Kesinambungannya dalam kaedah ucapan diamalkan dalam pentadbiran adat untuk berfungsi sebagai nadi penggubalan undang-undang yang boleh diguna dan dijadikan pegangan dalam mentradisikan bahasa beradat (Nurhalim Hj. Ibrahim, 1993). Kaedah berlandaskan pelaksanaan kata adat yang sopan dan halus bahasa banyak diaplikasikan dalam ucapan pentadbiran. Pengaplikasiannya menyentuh tentang aktiviti beradat, terutamanya dalam istiadat berlembaga dan bersuku.

Dalam adat Perpatih di semua daerah dan Temenggong di sempadan Segamat Gemas, pada awal ucapan sering diujarkan *adat unciang pusako tajam, digayak layu, diubah mati, disalai botuneh*. Dalam bahasa yang standard dan piawai adat, sebutannyaialah *adat runcing pusaka tajam, diinjak layu, diubah mati, disalai bertunas*. Undang-undang yang terbentuk hanya sekadar undang-undang untuk menjadi keperluan masyarakat bersuku.

## **Cadangan dan Penutup**

Harapan pengkaji supaya bagi kajian yang akan datang difokuskan kepada analisis lebih jitu dan lengkap yang berkaitan kesannya dalam pengamalan bahasa dalam adat menerusi penambahan jumlah bilangan data yang dikaji. Pengkaji turut mengesyorkan supaya kepelbagaian aspek bahasa beradat dikaji. Hal ini demikian kerana dapatan penyelidikan akan menjadi lebih meluas, tepat, objektif dan mantap.

Selain itu, pengkaji membuat saranan supaya kajian seperti ini dipertimbang untuk diperluas dengan mencakupi kajian bahasa beradat yang lebih mengkhusus kepada pengamal adat Perpatih dan Temenggong di Malaysia dan Indonesia. Kelangsungan kajian seperti itu pasti menarik kerana bahasa dan budaya dapat diintegarikan dalam bahasa beradat. Tujuannya lebih terarah untuk menjadikan proses penyelidikan lebih lengkap bagi tatapan generasi akan datang, selain berfungsi memartabatkan perkembangan bahasa Melayu secara umum.

Daripada cadangan dan pandangan di atas, penyelidikan ini dirumuskan kepada manfaat untuk menggariskan panduan kepada penyelidik-penyelidik jika melaksanakan kajian yang berkaitan. Pengkaji berharap para pengkaji akan datang dapat melaksanakan kajian yang lebih dinamik, selain memperoleh hasil dapatan yang dapat memberikan manfaat kepada semua sarjana dan pengguna bahasa Melayu.

### **Bibliografi**

- A.Samad Ahmad (1996). *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahim Bakar & Awang Sariyan (2005). *Suara pejuang bahasa*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Abdul Rahman Ahmad Hanafiah (2002). *Komunikasi budaya: Integrasi sosial adat resam Melayu*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Abdul Rahman Hj. Mohammad (1964). *Dasar-dasar adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Abdullah Sidik (1975). *Pengantar undang-undang adat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Adenan Ayob (2009). *Bahasa kebangsaan*. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Awang Sariyan (2007). *Santun berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azzal Abu Talib (1993). *Sistem bersuku adat Papatih di Negeri Sembilan kajian kes: Luak Inas*. Latihan Ilmiah bagi memenuhi syarat keperluan Ijazah Sarjana Muda Sastera (dengan kepujian). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins (1999). *Wibawa bahasa dan kepelbagaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Darwis Harahap & Abdul Jalil Hj. Anuar (2000). *Kumpulan kertas kerja kolokium bahasa pemikiran Melayu dan Indonesia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fishman, J. A. (Ed.). (1968). *Language problems of developing nations*. New York: John Wiley & Sons
- Hooker, M. B. (1972). *Adat laws in modern Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismet & Rebecca (2003). *Wisdom of the Malay proverbs*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Jelani Harun (2006). Kajian Naskhah Undang-undang Adat Melayu di London. *SARI*. 26 Julai 2008. UKM: Institut Alam dan Tamadun Melayu.

- Lakoff, George & Johnson, Mark (1980). *Metaphors we live by*. Chicago: University of Chicago Press.
- Lim Kim Hui (2005). 'Budi' as the Malay mind: A philosophical study of Malay ways of reasoning and emotion in peribahasa. *Disertasi Ph.D.* University of Hamburg.
- Merriam, S. B. (2001). *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Miles, M. B. & A. M. Huberman. (1994). *Qualitative data analysis*. London: Sage Publications, edisi ke-2.
- Mohamad Jajuli A. Rahman (1995). *The Malay law text*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nordin Selat (2007). *Sistem sosial adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Norhalim Hj. Ibrahim (1993). *Adat Perpatih: Perbezaan dan persamaannya dengan adat Temenggung*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Perakyla, A. (2005). *Analyzing talk and text* dalam Y.S.L Norman & K. Denzin [ed]. *Qualitative Research*. London: Sage Publications, edisi ke-3.
- Roswati Yaakub (1997). Dilema tanah adat abad ke-20: tinjauan daerah Rembau, Negeri Sembilan. *Latihan Ilmiah bagi memenuhi syarat keperluan Ijazah Sarjana Muda Sastera (dengan kepujian)*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainur Zakaria (1995). *The legal system of Malaysia*. Singapore: Asia.